

9.5.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB and PBAPP.

KAPASITI EMPANGAN DI PULAU PINANG MENINGKAT SEDIKIT TETAPI SILA SOKONG SASARAN PENJIMATAN AIR 250 LITER PER KAPITA SEHARI (LKH) UNTUK 2025

- **Empangan Teluk Bahang: 49.4%, Empangan Air Itam: 60.4%.**
- **Hujan yang signifikan direkodkan di kawasan tadahan air di Pulau Pinang sepanjang 39 hari lepas.**

PULAU PINANG, Jumaat, 9.5.2025 – PBAPP telah merekodkan peningkatan kecil dalam kapasiti efektif dua empangan utama di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, rakyat Pulau Pinang disarankan untuk terus berjimat cermat dalam penggunaan air demi mencapai sasaran penggunaan domestik 250 liter/kapita/sehari (LKH) bagi tahun 2025.

Jadual berikut menunjukkan status tiga empangan utama di Pulau Pinang:

Empangan	Kapasiti Efektif 1.4.2025	Kapasiti Efektif 9.5.2025	Jumlah hujan di kawasan tadahan air
Empangan Teluk Bahang	46.9%	49.4%	400mm
Empangan Air Itam	55.7%	60.4%	528mm
Empangan Mengkuang (EMD)	92.5%	91.0%	528mm*

* EMD ialah skim simpanan yang dipam yang kurang bergantung kepada hujan di kawasan tadahan air. Ia merupakan empangan strategik semasa kemarau yang diisi semula terutamanya dengan air mentah dari Sungai Kulim.

Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam hanya boleh diisi semula oleh hujan yang turun di kawasan tadahan masing-masing di Pulau Pinang. Sejak 39 hari lalu, hujan yang ketara telah direkodkan di dua kawasan tadahan ini.

Namun begitu, kedua-dua empangan ini merupakan “empangan harian” di mana air mentah dilepaskan setiap hari untuk menghasilkan air terawat.

Oleh itu, kapasiti efektif bagi dua empangan ini juga ditentukan oleh penggunaan air dalam kawasan perkhidmatan masing-masing. Maka, gunakan air secara berhemat di rumah supaya empangan dapat diisi semula dengan lebih cepat apabila hujan.

Terdapat 45,895 pengguna air di kawasan perkhidmatan Empangan Teluk Bahang (Teluk Bahang, Batu Ferringhi, Tanjung Bungah, Tanjung Tokong). PBAPP terus melaksanakan kawalan cuaca kering untuk mengehadkan pengambilan air sebanyak 60 juta liter sehari (JLH) dari empangan ini.

Sementara itu, terdapat 29,948 pengguna air di kawasan perkhidmatan Empangan Air Itam (Air Itam dan Farlim). Sejak 1.1.2025, PBAPP telah melaksanakan Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2025 (AIDAP 2025) untuk “mempertahankan” simpanannya. Di bawah pelan ini, PBAPP mengepam maksimum 33 JLH air dari Loji Rawatan Air Sungai Dua di Seberang Perai ke kawasan perkhidmatan Empangan Air Itam.

Tiada ancaman serta-merta buat masa ini

Berdasarkan keadaan cuaca semasa (dengan hujan yang berterusan), PBAPP tidak menjangkakan sebarang ancaman serius terhadap bekalan air di Pulau Pinang berpunca daripada kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang dan Air Itam.

Di Seberang Perai, PBAPP terus mengekstrak air mentah dari Sungai Muda secara optimum untuk menghasilkan air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua. Sejak 1.5.2025, paras sungai Sungai Muda di Lahar Tiang berada di antara 2.5m hingga 3.0m, melebihi paras selamat iaitu 2.0m.

Fokus kepada sasaran 250 LKH bagi penggunaan domestik

PBAPP ingin mengingatkan semua pengguna air di Pulau Pinang supaya terus berjimat cermat dalam penggunaan air domestik untuk mencapai sasaran 250 LKH bagi tahun 2025.

Cabaran yang dihadapi PBAPP dan Pulau Pinang ialah untuk memastikan empangan ini dapat diisi semula ke tahap kapasiti optimum menjelang akhir tahun 2025.

Disebabkan oleh perubahan iklim, kita tidak boleh beranggapan bahawa hujan akan sentiasa mencukupi untuk mengisi empangan hingga 100%.

Peringatan: Kita perlu menyimpan air yang mencukupi untuk menghadapi musim kering yang dijangka bermula awal tahun 2026 tanpa menghadapi masalah besar.

- Sila elak basuh kenderaan menggunakan hos. Gunakan baldi air, span dan kain lap. Jika boleh, kurangkan kekerapan anda mencuci kenderaan.
- Elakkan penggunaan hos, gunakan bekas penyiram (watering can) untuk menyiram pokok dan tanaman. Ini akan menjimatkan banyak air.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

- Jangan biarkan paip air mengalir. Didik anak-anak untuk menutup paip dengan betul.

Untuk lebih banyak langkah penjimatan air, sila layari: www.pba.com.my. Sila bantu kami meningkatkan kapasiti efektif empangan di Pulau Pinang.

Terima Kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
E-mel : comms@pba.com.my